

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN JOHOR
ARAS 3
BANGUNAN DATO' JAAFAR MUHAMMAD
KOTA ISKANDAR
79503 NUSAJAYA, JOHOR
MALAYSIA



Telefon : 07-2666116
Pejabat Am : 07-2908222
Faks : 07-2908111
: 07-2909888
Laman Web : www.johor.gov.my/sukj
Email : sukjkorporat@johor.gov.my

DULI YANG MAHA MULIA SULTAN IBRAHIM
SULTAN JOHOR

Rujukan Kami : SUKJ/USTJA/1-3 (1)
Tarikh : 12 Februari 2015
22 RabiulAkhir 1436H

**Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Ketua Pengurusan Badan Berkanun Negeri
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan**

**PEKELILING AM ICT KERAJAAN JOHOR
BILANGAN 1 TAHUN 2015**

**TADBIR URUS
JAWATANKUASA-JAWATANKUASA ICT KERAJAAN JOHOR**

1.0 TUJUAN

1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk menerangkan mengenai tadbir urus Jawatankuasa-Jawatankuasa ICT yang terdapat di dalam pentadbiran Kerajaan Negeri Johor.

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Tadbir urus jawatankuasa-jawatankuasa ICT Kerajaan Negeri Johor dibangunkan selaras dengan keperluan Jawatankuasa IT dan Internet Kerajaan (JITIK) di peringkat Kerajaan Persekutuan. Penubuhan JITIK ini telah dijelaskan melalui Pekeliling Am Bil. 2 Tahun 1999 "Jawatankuasa IT dan Internet Kerajaan (JITIK)" dan Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 2006 Pengukuhan Tadbir Urus Jawatankuasa IT Dan Internet Kerajaan.

2.2 **Majlis Teknologi Maklumat Negeri Johor (MTMNJ)** merupakan satu badan induk yang bertanggungjawab menggubal dasar dan strategi, menyelaras perancangan dan pelaksanaan serta memantau semua program ICT sektor awam Negeri Johor selaras dengan **Majlis Teknologi Maklumat Negara (NITC)** sebagai jawatankuasa tertinggi di dalam membangunkan dasar dan hala tuju ICT di peringkat nasional.

2.3 Seiring dengan itu juga, dua (2) jawatankuasa di bawah **MTMNJ** telah ditubuhkan iaitu **Jawatankuasa Pemandu ICT Negeri (JP ICT)** berperanan merancang dan menyelaras pelaksanaan program/projek-projek ICT di peringkat Negeri dan **Jawatankuasa Teknikal ICT Negeri (JT ICT)** yang menyelaras dan memantau pengoperasian ICT agensi-agensi. Peranan jawatankuasa-jawatankuasa tersebut telah diperjelas melalui **Surat Pekeliling Am Bil. 2 Tahun 2000 “Peranan Jawatankuasa-jawatankuasa Di Bawah Jawatankuasa IT dan Internet Kerajaan (JITIK)”**.

2.4 Hasil kajian yang telah dijalankan oleh MAMPU berkaitan tadbir urus jawatankuasa-jawatankuasa ICT sektor awam, struktur tadbir urus jawatankuasa - jawatankuasa telah diperkukuhkan dengan beberapa pembaharuan dari segi bidang rujukan dan keahlian.

3.0 STRUKTUR BARU TADBIR URUS ICT NEGERI

3.1 Struktur baru tadbir urus ICT Negeri Johor adalah seperti di **Lampiran A** dan merangkumi jawatankuasa-jawatankuasa berikut:

3.1.1 Majlis Teknologi Maklumat Negeri Johor (MTMNJ)

Berperanan sebagai jawatankuasa tertinggi di dalam membangunkan dasar dan hala tuju ICT di peringkat Negeri. Bidang rujukan dan keahlian **MTMNJ** adalah seperti di **Lampiran B**.

3.1.2 Jawatankuasa Pemandu ICT Negeri (JP ICT)

JP ICT mengekalkan peranan sebagai badan induk bagi pelaksanaan ICT di Negeri. JP ICT akan menyelaraskan semua projek ICT sebagaimana dasar dan

strategi pembangunan ICT yang digariskan oleh **MTMNJ**. Bidang rujukan dan keahlian JPICT adalah seperti di **Lampiran C**.

3.1.3 Jawatankuasa Teknikal ICT (JTICT)

JTICT berperanan menyelaras dan memantau urusan pengoperasian pelaksanaan projek ICT agensi-agensi sektor awam.

- i. **Aplikasi Komuniti** - Aplikasi yang disediakan secara bersama oleh pelbagai agensi yang berkaitan dalam menyediakan perkhidmatan *online* kepada kumpulan sasaran yang sama seperti rakyat dan komuniti perniagaan.
- ii. **Enterprise Wide** - Aplikasi-aplikasi yang menyokong pengurusan dalaman agensi seperti Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia dan Sistem Kewangan.
- iii. **Perkongsian Pintar** - Perkongsian aplikasi yang telah dilaksanakan di sesebuah agensi yang diperluaskan penggunaannya ke agensi-agensi lain.

Fungsi utama JTICT adalah menimbang dan memberi **kelulusan teknikal** permohonan perolehan ICT agensi-agensi sektor awam berdasarkan Pelan Strategik ICT (ISP) agensi masing-masing. Bidang rujukan dan keahlian JTICT adalah seperti di **Lampiran D**.

4.0 TADBIR URUS ICT SEKTOR AWAM

4.1 Secara keseluruhannya, tadbir urus ICT sektor awam terbahagi kepada tiga peringkat seperti di **Lampiran E** iaitu :

- 4.1.1 Dasar, strategi dan perancangan;
- 4.1.2 Penyelarasan dan pemantauan; dan
- 4.1.3 Pengoperasian.

5.0 DASAR, STRATEGI DAN PERANCANGAN

5.1 Aspek pembangunan dasar, strategi dan perancangan akan dimantapkan melalui **MTMNJ** dan JPICT Negeri Johor, Terdapat jawatankuasa-jawatankuasa lain yang turut menyumbang di dalam pembangunan dan pelaksanaan ICT sektor awam. Antaranya ialah, **Majlis ICT Negara (NITC)** sebagai jawatankuasa tertinggi di dalam membangunkan dasar dan hala tuju ICT di peringkat nasional yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia. Dasar dan hala tuju yang dibangunkan oleh **MTMNJ** diselaras dengan dasar dan hala tuju NITC.

6.0 PENYELARASAN DAN PEMANTAUAN

6.1 Pengukuhan struktur tadbir urus ini juga bertujuan untuk mempertingkatkan aspek penyelarasan dan pemantauan pelaksanaan ICT sektor awam negeri melalui JTICT.

6.2 Jawatankuasa-jawatankuasa seperti **Jawatankuasa Pemandu Projek peringkat agensi** dan **Jawatankuasa Teknikal Projek Agensi** akan mengemukakan status dan isu-isu berkaitan pelaksanaan projek-projek ICT kepada JTICT.

6.3 Selain dari itu, **Jawatankuasa Pemandu ICT** di peringkat agensi juga akan mengemukakan permohonan kelulusan teknikal dan status pelaksanaan projek-projek ICT di agensi kepada JTICT untuk tujuan penyelarasan dan pemantauan.

7.0 PENGOPERASIAN

7.1 Dasar, strategi dan perancangan yang telah ditetapkan oleh **MTMNJ** juga di sebarkan kepada forum-forum seperti **Mesyuarat Pengurus-pengurus ICT Sektor Awam**, **Mesyuarat Ketua Pegawai Maklumat ICT (CIO) Sektor Awam**, **Mesyuarat Pegawai Keselamatan ICT (ICTSO) Sektor Awam** dan **Panel Pegawai Sistem Maklumat (PSM)**. Input dan maklum balas dari forum-forum tersebut juga dipertimbangkan di dalam membangunkan dasar, strategi dan perancangan **MTMNJ**.

8.0 PEMAKAIAN

8.1 Pekeliling ini pada keseluruhannya dikuatkuasakan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri.

9.0 TARIKH KUATKUASA

9.1 Pekeliling ini adalah berkuat kuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.

10.0 PEMBATALAN

10.1 Dengan berkuat kuasanya Pekeliling ICT ini, pekeling dan surat pekeling yang berikut adalah dibatalkan:

10.1.1 Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 1999 – Jawatankuasa IT dan Internet Kerajaan (JITIK); dan

10.1.2 Surat Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 2000 – Peranan Jawatankuasa jawatankuasa di bawah Jawatankuasa IT dan Internet Kerajaan (JITIK).

11.0 PINDAAN

11.1 Surat Pekeliling Am Bilangan 4 Tahun 2004 “Garis Panduan Tatacara Memohon Kelulusan Teknikal Projek ICT Agensi Kerajaan” masih dikuatkuasakan pemakaiannya dengan pindaan bagi Jawatankuasa Teknikal IT (JTIT) digantikan dengan Jawatankuasa Teknikal ICT (JTICT).


“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATO' HAJI ISMAIL BIN KARIM)
Setiausaha Kerajaan Johor

Tarikh : 12 Februari 2015

STRUKTUR TADBIR URUS JAWATANKUASA-JAWATANKUASA ICT KERAJAAN JOHOR



MAJLIS TEKNOLOGI MAKLUMAT NEGERI JOHOR (MTMNJ)

Bidang Rujukan

Bil.	Bidang Rujukan
1	Menetapkan visi dan arah tuju bagi pembangunan dan pelaksanaan ICT di sektor awam
2	Menimbang bidang strategik dan keutamaan serta memperakukan pelan tindakan dalam pembangunan dan pelaksanaan ICT di Negeri Johor
3	Menentukan dasar dan strategi pembangunan dan pelaksanaan ICT di Negeri Johor

KEAHLIAN

Pengerusi:

YAB Menteri Besar Johor

Ahli :

- i. YB Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan
- ii. YB Setiausaha Kerajaan Johor
- iii. YB Pegawai Kewangan Negeri
- iv. YB Penasihat Undang-Undang Negeri Johor
- v. Timbalan Ketua Pengarah (ICT) MAMPU
- vi. Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan) / Pengarah UPEN
- vii. Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)
- viii. Pengarah Tanah dan Galian Johor
- ix. Pengarah Jabatan Agama Johor
- x. Ketua Audit Negeri
- xi. Ahli Jemputan

Setiausaha : Pengarah USTICT

Urus Setia : USTICT

JAWATANKUASA PEMANDU ICT NEGERI JOHOR (JPICT)

Bil.	Bidang Rujukan
1	Menetapkan arah tuju dan strategi untuk pelaksanaan ICT Kerajaan Negeri
2	Merancang, mengenal pasti dan mencadangkan sumber seperti kepakaran, tenaga kerja dan kewangan yang diperlukan bagi melaksanakan arah tuju/strategi ICT
3	Merancang dan menyelaraskan pelaksanaan program/projek-projek ICT agensi-agensi Kerajaan Negeri supaya selaras dengan Pelan Strategik ICT Kerajaan Negeri
4	Menyelaras dan menyeragamkan pelaksanaan ICT antara agensi-agensi Kerajaan Negeri dengan Pelan Strategik ICT Sektor Awam
5	Menyelaras dan memantau pelaksanaan program pembangunan ICT di sektor awam
6	Mempromosi dan menggalakkan perkongsian pintar projek-projek ICT antara semua agensi di bawah Kerajaan Negeri
7	Merancang dan menentukan langkah-langkah keselamatan ICT;
8	Memantau perkembangan program ICT agensi-agensi Kerajaan Negeri, serta memahami keperluan, masalah dan isu-isu yang dihadapi dalam pelaksanaan ICT
9	Meluluskan perolehan ICT bagi SUK dan Jabatan Negeri berdasarkan kepada keperluan sebenar dan dengan perbelanjaan yang berhemah serta mematuhi peraturan-peraturan semasa yang berkaitan

KEAHLIAN

Pengerusi:

YB Setiausaha Kerajaan Johor atau Pegawai yang diturunkan kuasa /

Ahli :

- i. YB Pegawai Kewangan Negeri
- ii. YB Penasihat Undang-Undang Negeri
- iii. Ketua Pegawai Maklumat Kerajaan Negeri (CIO)
- iv. Ketua-Ketua Jabatan Negeri, Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan
- v. Pengarah USTICT
- vi. Pegawai Keselamatan ICT Negeri (ICTSO)
- vii. Pengarah Audit Negeri Johor
- viii. Lain – lain ahli yang berkaitan


Urus Setia : USTICT

JAWATANKUASA TEKNIKAL ICT NEGERI JOHOR (JTICT)

Bil.	Bidang Rujukan
1	Menimbang dan mengesahkan Pelan Strategik ICT (ISP) agensi-agensi sektor awam
2	Menimbang dan memberi kelulusan teknikal projek ICT bagi agensi-agensi sektor awam
3	Menyelaras pembangunan dan pelaksanaan ICT di agensi-agensi sektor awam
4	Mengenal pasti masalah-masalah dan isu-isu semasa di dalam pelaksanaan ICT di agensi-agensi sektor awam serta memperakukan cadangan untuk mengatasinya
5	Memantau kemajuan pelaksanaan projek-projek ICT agensi yang diluluskan
6	Menyediakan laporan kepada JPICIT mengikut keperluan

KEAHLIAN
<p>Pengerusi: Pengarah USTICT</p> <p>Ahli :</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Wakil UPEN Johor ii. Wakil Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, SUKJ iii. Wakil Perbendaharaan Negeri iv. Pegawai-Pegawai Teknologi Maklumat v. Wakil Jabatan Audit Negara Johor vi. Ahli Jemputan <p>Setiausaha / Urus Setia : USTICT</p>

STRUKTUR TADBIR URUS ICT SEKTOR AWAM DAN NEGERI JOHOR



- **Jawatankuasa IT dan Internet Kerajaan (JITIK)**
- **Jawatankuasa Kerja JITIK (JKJ)**
- **Jawatankuasa Latihan ICT (JLICT)**
- **Jawatankuasa Penyelarasan Kerajaan Elektronik (EGCOM)**
- **Jawatankuasa Teknikal ICT (JTICT)**
- **Jawatankuasa Pemandu ICT (JP ICT)**